



PEKELILING JABATAN KEWANGAN BIL. 27/2014

Ketua Jabatan/PTJ/ Unit
Pusat Perubatan UKM

Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**JADUAL PENUTUPAN AKAUN PUSAT PERUBATAN UKM BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2014**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas dan memaklumkan bahawa Jabatan Kewangan akan memulakan proses penutupan akaun tahun berakhir 31 Disember 2014 .

2. Pekeliling ini bertujuan untuk menyelaraskan aktiviti dan proses kewangan utama yang perlu diikuti oleh semua pusat tanggungjawab (PTJ) bagi memastikan laporan kewangan dapat disediakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

TARIKH AKHIR URUSNIAGA TAHUN 2014

3. Proses penutupan akaun universiti bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 akan dilaksanakan dengan menggunakan Sistem Kewangan dan Perakaunan Universiti (UFAST) serta Sistem Kewangan Universiti (SKU). Bagi membolehkan penutupan akaun tersebut berjalan dengan lancar, semua PTJ diminta mengikut jadual berkaitan urusan perolehan, pembayaran bil-bil tahun 2014 seperti berikut:-

Urusan Perolehan

Bil.	Perkara	Tarikh Akhir
1	Tempahan Peruntukan yang tidak sempat dikeluarkan Pesanan Rasmi (PR) dalam tahun 2014 perlu dibatalkan dan ditamatkan	09 Disember 2014 (Selasa)
2	Tarikh akhir terima Borang Permohonan Pesanan Rasmi (BPPR) oleh Jabatan Kewangan menguruskan peruntukan tahun 2014.	19 Disember 2014 (Jumaat)
3	Tarikh Akhir penamatan Pesanan Rasmi (PR) oleh Jabatan Kewangan atau PTJ menggunakan peruntukan mengurus tahun 2014.	24 Disember 2014 (Rabu)

Urusan Pembayaran

Bil.	Perkara	Tarikh Akhir
1	Tarikh akhir terima Arahkan Pembayaran berserta bil atau invois oleh Jabatan Kewangan untuk kelulusan Daftar Bil	22 Disember 2014 (Isnin)
2	Tarikh akhir menyediakan baucer bayaran tahun 2014 (bagi memastikan cek dan EFT disediakan sebelum 31 Disember 2014)	24 Disember 2014 (Rabu)
3	Tarikh akhir meluluskan Daftar Bil oleh Jabatan Kewangan	31 Disember 2014 (Rabu)
4	Tarikh akhir menyediakan cek dan EFT bagi baucer tahun 2014	31 Disember 2014 (Rabu)


Urusan Inden Barang Stor

Bil.	Perkara	Tarikh akhir
1	Tarikh akhir pengesahan permohonan barang stor pusat menggunakan aplikasi e-Inden	10 Disember 2014

Sukacita sekiranya Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat mengambil tindakan dan menyampaikan perkara ini kepada semua kakitangan di Jabatan/PTJ/Unit Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

Yang benar,



RABIAH BT. HJ ARHAM

Ketua

Jabatan Kewangan

- s.k:
- Dekan dan Pengarah, Pusat Perubatan UKM
 - Ketua Pegawai Operasi. Pusat Perubatan UKM
 - Timbalan Dekan (Perkhidmatan Klinikal), Pusat Perubatan UKM
 - Timbalan Dekan (Siswazah dan Hubungan Antarabangsa), PPUKM
 - Timbalan Dekan (Prasiswazah dan Alumni), PPUKM
 - Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi), PPUKM
 - Fail Edaran